

Kuota lebih Bumiputera masuk IPTA bukan rasis

Tindakan seimbang pembangunan semua kaum: Dr Mahathir

B/M 31/12/2009

Oleh Norliza Wasilan
norlizawasilan@bharian.com.my

KUALA LUMPUR: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata peluang memasuki universiti awam kepada lebih ramai Bumiputera tidak harus dilabelkan sebagai perkauman dengan meminggirkan kaum lain.

Bekas Perdana Menteri itu berkata, peluang kepada lebih ramai Bumiputera berbanding kaum lain bagi memastikan keseimbangan pembangunan kaum agar mereka tidak ketinggalan dalam arus perdana pendidikan yang akan memberikan pelbagai kesan negatif.

Malah, katanya, di institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) yang bilangan hampir sama dengan institusi pengajian tinggi awam (IPTA), kemasukan pelajar Bumiputera amat kecil iaitu hanya di sekitar 10 peratus kerana tidak ramai Bumiputera mampu ke IPTS disebabkan kekangan kewangan.

"Jika kita buat bancian jumlah (keseluruhan) pelajar di universiti kerajaan dan swasta...pelajar bukan Bumiputera lebih banyak daripada Bumiputera. Itulah sebabnya kita beri tumpuan dan lebih banyak tempat kepada Bumiputera. Mungkin ini akan dianggap sebagai rasis,



DR MAHATHIR menerima cenderahati daripada Nordin selepas menyampaikan ucapan tama pada Konvensyen Alumni UUM sempena Jubli Perak UUM di Kuala Lumpur, semalam.

tetapi percayalah kalau kita tak ambil berat mengenai keseimbangan antara kaum di Malaysia dan kita dapati satu kaum ketinggalan, manakala satu lagi (kaum) jauh ke hadapan (maka) tak dapat tidak akan berlaku perselisihan faham, benci, iri hati dan sebagainya.

"Kalau pihak yang ketinggalan begitu iri hati, mungkin mereka akan bertindak liar... inilah yang nak kita elak. Selama ini negara kita tak terdedah kepada kegiatan ganas seperti di sesete-

ngah negara lain, mengadakan demonstrasi, mogok peringkat nasional, dengan itu ekonomi tidak dapat tumbuh," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan tama bertajuk 'UUM 25 Years Expectation vs Reality' di Konvensyen Alumni Universiti Utara Malaysia (UUM) 2009 di sini, semalam.

Hadir sama, isterinya, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Naib Canselor UUM, Tan Sri Dr Nordin Kardi.

Dr Mahathir berkata, be-

liau tidak malu dituduh sebagai rasis atau bersikap perkauman seperti dilemparkan pihak tertentu apabila menyentuh mengenai kedudukan orang Melayu, terutama dalam bidang ekonomi.

Mengulas kenyataan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Nazri Aziz yang menuduhnya sebagai rasis kerana menolak modul kurikulum Biro Tata Negara (BTN) dirombak, Dr Mahathir berkata beliau tidak berasa apa-apa mengenai tuduhan itu.

BERNAMA